

Marah tandingan ditunda

Berita Harian, 22 August 1992, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL18934

Printer-Friendly Page

Marah tandingan ditunda

BARU-BARU ini saya menghantar anak saya untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Silat Kebangsaan anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi), di Balai Rakyat Kampong Ubi. Anak saya ingin bertanding dalam bahagian massal (silat kesenian).

Kami diberitahu bahawa pertandingan akan dimulakan 8 malam. Sampai di tempat pertandingan, saya lihat para pegawai dan jawatankuasa Persisi nampaknya sibuk dengan hal masing-masing.

Kami menunggu sehingga 8.30 malam, tetapi pertandi-

ngan belum juga dimulakan. Ia hanya bermula 8.45 malam dengan ucapan presiden Persisi dan diikuti oleh pertandingan silat pada 9 malam.

Hingga jam 10.30 malam pertandingan kesenian solo belum juga habis. Anak-anak yang telah siap dengan berpakaian seragam perguruan masing-masing semuanya gelisah, berpeluh-peluh, letih dan yang ada mengeluh haus dan lapar kerana menunggu giliran mereka untuk pertandingan bahagian massal.

Mereka diberitahu bahawa bahagian massal juga akan di pertandingan malam itu juga.

Pada jam 11.15 malam pengumuman dibuat bahawa pertandingan bahagian Massal akan ditunda hingga satu masa yang ditetapkan dan pengumumannya juga berbeza nyi guru-guru berkenaan akan dihubungi.

Saya benar-benar kurang faham dan tidak senang hati kerana pihak Persisi hanya menangguhkan pertandingan pada saat-saat akhir setelah para peserta penat berlatih dan menunggu.

Saya telah memutuskan inilah kali pertama dan terakhir membenarkan anak saya mengambil bahagian dalam pertandingan silat.

RAFIDAH HASHIM
Singapore 1696

Hingga jam 10.30 malam pertandingan kesenian solo belum juga habis. Anak-anak yang telah siap dengan berpakaian seragam perguruan masing-masing semuanya gelisah, berpeluh-peluh, letih dan yang ada mengeluh haus dan lapar kerana menunggu giliran mereka untuk pertandingan bahagian massal.

Mereka diberitahu bahawa bahagian massal juga akan di pertandingan malam itu juga.

Pada jam 11.15 malam

pengumuman dibuat bahawa pertandingan bahagian Massal akan ditunda hingga satu masa yang ditetapkan dan pengumumannya juga berbeza nyi guru-guru berkenaan akan dihubungi.

Saya benar-benar kurang faham dan tidak senang hati kerana pihak Persisi hanya menangguhkan pertandingan pada saat-saat akhir setelah para peserta penat berlatih dan menunggu.

Saya telah memutuskan inilah kali pertama dan terakhir membenarkan anak saya mengambil bahagian dalam pertandingan silat.

RAFIDAH HASHIM
Singapore 1696


NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Silat: Persisi harap baiki kesilapan

Berita Harian, 29 August 1992, Page 7

 Article also available on Microfilm Reel NL18934

Printer-Friendly Page

Silat: Persisi harap baiki kesilapan

MERUJUK kepada surat Encik Yazid Munajat dan Cik Rashidah Hashim (BH 22 Ogos).

[^ Scroll to Top](#)

Untuk pengetahuan mereka dan pembaca lain, Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk pertama kalinya telah mengadakan upacara pembukaan pertandingan silat kebangsaan dengan tatacara adat istiadat budaya Melayu.

Dalam usaha sulungnya ini, pasti terdapat banyak kekurangan. Insya-Allah, Persisi akan menjadikan panduan dari apa yang telah berlaku dan cuba mengatasinya di masa akan datang.

Persisi juga memohon maaf kepada semua pihak yang terlibat.

Persisi juga berharap agar tidak ada pihak yang terlalu merajuk di atas perkara yang berlaku.

RASHID KAMARUDIN
Timbalan 1 Presiden
merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Pertandingan